SALAM KEMERDEKAAN KE-69 & SELAMAT HARI MALAYSIA KE-63

eBuletin JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN 2026

"Merdeka bukan sekadar bebas dari penjajah, tetapi semangat untuk terus membina bangsa yang berani, maju, dan bersatu."

MALAYSIA MADANI
Kesejahteraan Dinikmati

eISSN 2637-0077

69

Isi Kandungan

01 Malaysia Rumah Kita

02 Pengjhayatan Merdeka: Di Mata Warisan dan Generasi Muda

05 Malaysia di Meja Makan: Apabila Makanan Menyatukan Kita

08 Membaca Data, Membina Negara

11 Merdeka daripada “Nanti”

13 Warisan Pusaka Merdeka-69

14 Kita Belum Merdeka

15 Semangat Kemerdekaan dan Jatidiri sebagai Pensyarah Akademik

18 Merdeka yang Sebenarnya

21 Merdeka Mode: On

23 Kebangsaan Malaysia.....

24 Hati Merdeka

25 Alunan Merdeka Dalam Wajah Berbeza

27 Menelusuri Erti Kemerdekaan Menerusi Layar Perak

32 Bicara Penuh Makna

33 Merdeka daripada Ketakutan terhadap Matematik

36 Jalur Gemilang

37 Pantun Kemerdekaan 2026

38 Pantun Prinsip Rukun Negara

39 Merdeka! Merdeka! Merdeka!

40 Setia Jalur Gemilang Demi Pasak Yang Lima

42 Unzip Sejarah Kita!

Oleh: Fadzilawani Astifar Alias & Nurhafizah Ahmad

"MERDEKA!"

Setiap tahun kita laungkan. Tetapi… apa erti merdeka yang sebenar bagi kita? Hari ini kita bebas daripada penjajahan, tetapi masih boleh terjajah oleh minda, media sosial, gajet dan pengaruh sekeliling. Jari kita bebas scroll, like, share, komen. **Tetapi hati… bebas ke?** Kalau nak kekal merdeka, kita kena mula dari dalam.

JADI, JOM KITA ON-KAN MODE MERDEKA!

🕌 01 IMAN ON: Bila Hati Ada Arah

Generasi merdeka bukan generasi yang melakukan apa sahaja kerana "aku bebas". Sebaliknya, generasi merdeka ialah generasi yang tahu batas dalam kebebasan. Kita bebas memilih, tetapi kita memilih yang Allah reda. Kita bebas bersuara, tetapi kita menjaga kata-kata. Kita bebas menggunakan teknologi, tetapi kita tidak membiarkan teknologi mengawal hidup kita. Kita bebas mengejar kejayaan, tetapi kita tidak meninggalkan Tuhan. Itulah kemerdekaan yang sebenar.

Apabila iman kuat, kita tidak mudah hanyut dengan trend. Tidak semua yang viral perlu diikuti. Tidak semua yang popular itu betul. Tidak semua yang ramai buat itu baik. Iman menjadi kompas ketika dunia menawarkan terlalu banyak arah.

📚 02 ILMU ON: Jangan Jadi Hamba Algoritma

Hari ini, ilmu berada di hujung jari. Satu klik, kita boleh belajar sesuatu yang baharu. Satu carian, kita boleh mendapatkan pelbagai maklumat. Tetapi dalam dunia yang penuh dengan maklumat, cabaran terbesar bukan lagi "tidak tahu". Cabaran kita ialah:

"Bagaimana hendak tahu apa yang benar?"

Generasi yang merdeka perlu berani berfikir. Jangan mudah percaya. Jangan terus share. Jangan hanya ikut apa yang trending.

CHECK. THINK. VERIFY.

Gunakan ilmu untuk membina diri, bukan sekadar mengejar likes dan views. Gunakan teknologi untuk belajar, berkarya, membantu orang lain dan menyebarkan kebaikan. Kerana generasi hebat bukan sekadar generasi yang pandai menggunakan teknologi. Tetapi generasi yang tahu menggunakan teknologi dengan bijak.

✨ 03 AKHLAK ON: Apa Guna Hebat Kalau Adab Hilang?

Kita boleh mempunyai keputusan peperiksaan yang cemerlang. Kita boleh mahir teknologi. Kita boleh mempunyai ribuan followers. Kita boleh menjadi hebat dalam pelbagai bidang. Tetapi satu persoalan tetap penting:

Bagaimana akhlak kita?

Adakah kita masih menghormati ibu dan ayah?

Adakah kita menjaga adab dengan guru?

Adakah kita bercakap dengan sopan?

Adakah kita meminta maaf apabila melakukan kesalahan?

Adakah kita membantu orang yang memerlukan?

Kerana pada akhirnya, manusia bukan hanya dinilai berdasarkan apa yang dia tahu, tetapi juga berdasarkan bagaimana dia membawa dirinya.

ILMU MENJADIKAN KITA BIJAK. **IMAN** MENJADIKAN KITA KUAT. **AKHLAK** MENJADIKAN KITA BERNILAI.

MERDEKA MODE: ON!

Jadi, tahun ini jangan sambut **Merdeka** hanya dengan bendera.

Sambut dengan perubahan diri.

🕌 **IMAN : ON! :** DEKAT DENGAN ALLAH.

📚 **ILMU : ON! :** BERFIKIR SEBELUM BERTINDAK.

✨ **AKHLAK : ON! :** HORMAT, AMANAH DAN BERADAB.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077